

SOALAN LAZIM BERKAITAN SISTEM AP58(a) KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)

- 1) Siapakah Pentadbir Sistem AP58(a)?
Pentadbir Sistem AP58(a) adalah Seksyen Perundingan dan Latihan, Bahagian Akaun (BA), KKR.
- 2) Siapakah Pegawai yang boleh dihubungi bagi permasalahan berikut:
 - i. Pentadbiran Sistem
 - ii. Operasi – Kelulusan AP58(a)
 - iii. Operasi – Baki Peruntukan**Pegawai yang boleh dihubungi bagi permasalahan berikut adalah:**
 - i. Pentadbiran Sistem - Seksyen Perundingan dan Latihan, BA, KKR
 - ii. Kelulusan AP58(a) - Seksyen Bayaran dan Gaji, BA, KKR
 - iii. Baki Peruntukan - Bahagian Kewangan (BK), KKR
- 3) Berapakah peranan yang dibenarkan untuk dimohon bagi setiap pengguna (PTJ)?
Setiap pengguna (PTJ) hanya dibenarkan untuk memohon SATU (1) peranan sahaja sama ada Penyedia PTJ atau Peraku PTJ.
- 4) Berapa bilangan pengguna yang boleh memohon capaian sebagai Penyedia PTJ dan Peraku PTJ di setiap PTJ?
Tiada had bilangan pengguna yang boleh memohon capaian sebagai Penyedia PTJ dan Peraku PTJ disetiap PTJ.
- 5) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya pengguna terlupa kata laluan?
Pengguna perlu klik Lupa Kata Laluan di Laman Utama Portal dan notifikasi Reset Kata Laluan akan dihantar ke emel yang didaftarkan oleh pegawai.
- 6) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya pengguna tersilap kunci masuk maklumat emel sendiri atau Ketua Jabatan?
Emelkan ke ba.perunding@kk.gov.my bagi tujuan kemaskini maklumat emel tersebut.
- 7) Apakah yang perlu dilakukan jika senarai jawatan/ kod PTJ/ Kod Program/Aktiviti yang berkaitan tiada dalam senarai pilihan semasa pendaftaran dilakukan.
Sekiranya pilihan jawatan/ kod PTJ/ Kod Program/Aktiviti tiada dalam senarai pilihan, pengguna perlu memaklumkan kepada Seksyen Perundingan dan Latihan, Bahagian Akaun melalui emel ba.perunding@kk.gov.my bagi tujuan penambahan jawatan/ kod PTJ Kod Program/Aktiviti.
- 8) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya pengguna bertukar keluar ke PTJ lain di bawah KKR/ bertukar keluar dari KKR / pencen / tamat perkhidmatan?
Emelkan surat permohonan ke ba.perunding@kk.gov.my dengan menyatakan pertukaran keluar/ penamatan pengguna yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan beserta surat pertukaran/ penamatan pengguna sebagai dokumen sokongan.

- 9) Adakah permohonan kelulusan AP58(a) boleh dibuat sekiranya tarikh permohonan di Sistem AP58(a) KKR telah tamat tetapi tarikh akhir permohonan kelulusan AP58(a) berdasarkan surat MOF masih dibuka?

Pegawai perlu mendapatkan kelulusan daripada BK KKR terlebih dahulu dan seterusnya mengemalkan permohonan untuk membuka capaian permohonan Sistem AP58(a) KKR kepada ba.perunding@kk.gov.my beserta dengan kelulusan dari BK KKR untuk tindakan selanjutnya. Capaian permohonan untuk PTJ tersebut akan dibuka dalam masa 24 jam sahaja dan pegawai penyedia akan menerima notifikasi capaian permohonan telah dibuka melalui email.

- 10) Adakah permohonan kelulusan pembayaran AP58(a) boleh di mohon oleh PTJ di negeri melalui Sistem AP58(a) online?

Tidak. PTJ di negeri perlu mendapatkan kelulusan bayaran AP58(a) dari Pejabat Perakaunan Negeri masing-masing. Permohonan melalui sistem AP58(a) hanya terpakai kepada PTJ- PTJ Lembah Klang di bawah kelulusan BA KKR sahaja. Walau bagaimanapun PTJ di negeri perlu mengunci masuk maklumat kelulusan AP58(a) yang telah diperolehi oleh Pejabat Perakaunan Negeri masing-masing ke dalam Sistem AP58(a) KKR dimodul daftar JKR Negeri

- 11) Sekiranya baki Objek Sebagai (OS) PTJ adalah mencukupi untuk menampung amaun pembayaran AP58(a) yang dipohon oleh PTJ manakala baki Objek Am (OA) Kementerian tidak mencukupi bagi bayaran tersebut, adakah permohonan boleh diluluskan oleh BA KKR?

Tidak. BK KKR perlu memastikan bahawa baki OA tahun perbelanjaan mestilah mencukupi untuk menampung semua permohonan tersebut. Sekiranya baki OA tidak mencukupi atau pun telah berbaki negatif, BK KKR perlu mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan (MOF) melalui Sistem AP58(a) KKR. Setelah kelulusan diperolehi, BK KKR akan memanjangkan kelulusan ini kepada PTJ juga melalui Sistem AP58(a) KKR.

Contoh: amaun untuk permohonan di bawah OS21000 adalah RM1,000.00 dan PTJ masih mempunyai baki pada tahun perbelanjaan sebanyak RM2,000.00. Walau bagaimanapun, baki OA20000 KKR telah pun berbaki RM100.00. Maka, BK KKR perlu mengemukakan permohonan kepada MOF bagi tujuan ini.

- 12) Adakah PTJ perlu mengunci masuk nombor baucar bayaran iGFMS dan dalam sistem AP58(a)?

Ya PTJ perlu kunci masuk nombor baucar bayaran iGFMS dalam tempoh 7 hari selepas pembayaran dibuat bagi memastikan semua kelulusan pembayaran di bawah AP58(a) dilaksanakan dan dibuat pembayaran oleh PTJ.

- 13) Sekiranya terdapat permohonan kelulusan AP58(a) telah diluluskan oleh Bahagian Akaun, adakah terdapat fungsi pembatalan kelulusan tersebut setelah PTJ mendapati bayaran tersebut tidak tertakluk dengan kelulusan pembayaran di bawah AP58(a)?

Mana-mana permohonan kelulusan AP58(a) telah diberikan oleh Bahagian Akaun, PTJ boleh membuat permohonan pembatalan kelulusan tersebut dimana penyedia PTJ boleh membuat pembatalan dan mendapat pengesahan dari Pengesah PTJ dan akan diluluskan pembatalan tersebut oleh Bahagian Akaun.

- 14) Permohonan kelulusan AP58(a) bagi pembayaran tuntutan perjalanan bulan Oktober telah diperolehi dengan nilai permohonan adalah RM251.00. Dalam proses semakan semula nilai tuntutan sebelum baucar bayaran dikunci masuk dalam iGFMAS, PTJ mendapati nilai tuntutan adalah RM289.00. Adakah pembayaran boleh dibuat berdasarkan kelulusan tersebut?

Jika PTJ mendapati terdapat perbezaan nilai kelulusan, permohonan kelulusan baru dengan nilai yang baru perlu dibuat sekiranya nilai kelulusan sebelum ini kurang daripada nilai pembayaran. Kelulusan tersebut perlu dibuat pembatalan sebelum permohonan kelulusan baru dibuat. Namun sekiranya nilai pembayaran kurang dari nilai kelulusan, PTJ boleh menggunakan kelulusan sedia ada.

- 15) PTJ mendapati kelulusan AP58(a) menggunakan kod akaun yang tidak tepat. PTJ ingin membuat bayaran balik bil telefon pegawai menggunakan kod akaun 23000 namun PTJ telah mengunci masuk perihal pembelian telefon yang menggunakan kod akaun 15000. Adakah kelulusan sebelum ini masih boleh digunapakai?

Pembayaran di bawah AP58(a) hendaklah dinyatakan dengan jelas perihal pembayaran, nilai pembayaran, kod akaun dan nama pegawai yang bertanggungjawab bagi memastikan peruntukan tahun perbelanjaan dan tahun semasa adalah mencukupi. Sehubungan itu, kelulusan sebelum ini tidak boleh digunakan dan perlu dibatalkan sebelum permohonan kelulusan baru boleh dimohon oleh PTJ menggunakan perihal, kod akaun dan nilai yang tepat.

- 16) Adakah terdapat sebarang panduan bagi penggunaan Sistem AP58(a) KKR mengikut setiap peranan?

Manual Pengguna disediakan dan boleh diakses di dalam Sistem AP58(a) KKR.

- 17) Adakah terdapat sebarang panduan bagi penentuan samaada sesuatu pembayaran tersebut memerlukan kelulusan di bawah AP58(a) sebelum pembayaran boleh dibuat?

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah mengeluarkan satu FAQ SPANM Bil.7 Tahun 2018 pada 3 Februari yang mana telah menerangkan dengan jelas beserta situasi samaada sesuatu pembayaran tersebut memerlukan kelulusan di bawah AP58(a) atau tidak. Sila rujuk FAQ ini di *screen login* Sistem AP58(a) KKR.

- 18) Tindakan yang perlu dilakukan oleh pihak PTJ sekiranya tersilap kunci masuk maklumat OS pada awal tahun.

Pihak PTJ dibenarkan untuk memadam maklumat berkenaan dengan syarat tiada sebarang permohonan Sijil AP58(a) dikeluarkan. Walaubagaimanapun, sekiranya permohonan Sijil AP58(a) telah wujud, ianya hendaklah dibatalkan terlebih .